

## **SYARAT PENCALONAN ANUGERAH BUKU KARYA ASLI 2024**

- (1) **Calon:** Calon hendaklah terdiri daripada staf Universiti Teknologi Malaysia (UTM) kontrak/tetap dan warganegara Malaysia yang masih/pernah berkhidmat dalam tahun penganugerahan (2024).
- (2) **Jenis Karya yang Layak Dicalonkan:** Hanya karya asli (ilmiah) yang melalui proses penerbitan secara formal dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris terbitan Penerbit UTM Press atau **penerbit luar\*** yang diterbitkan dalam tahun 2024, yang mempunyai ISBN dan Data Pengkatalogan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).
- (3) **Karya yang Tidak Layak Dicalonkan:** Karya yang diklasifikasikan sebagai Buku Penyelidikan, Buku Teks, Karya Kreatif, Cetakan Awal, Modul Pengajaran, Buku Mewah, Monograf, Bab dalam Buku, Karya Selenggaraan/Suntingan (Edited Book), Karya Terjemahan, Buku Terbitan Khas.
- (4) **Karya Penerbitan Sendiri :** Karya ini tidak layak dicalonkan.
- (5) **Penulis Karya:** Karya yang dihasilkan oleh penulis sama ada secara individu atau bersama dengan penulis lain (dalam atau luar UTM). Jika penulisan bersama, penulis mestilah **tidak melebihi tiga (3) orang**.
- (6) **Bahan Bukti Penyertaan:** Kemukakan jumlah naskhah berikut bagi setiap pencalonan judul (tidak akan dikembalikan):
  - a. Buku terbitan penerbit dalam negara – ENAM (6) naskhah asal.
  - b. Buku terbitan penerbit luar negara – TUJUH (7) naskhah asal atau SATU (1) naskhah (minimum) buku asal dan ENAM (6) naskhah dalam bentuk salinan (fotokopi dan berjilid).
- (7) **Perakuan:** Buku terbitan Penerbit UTM Press secara automatik akan dicalonkan. Bagi buku terbitan luar, Borang Pencalonan Anugerah Buku Karya Asli 2024 hendaklah diisi dengan lengkap (disertakan).
- (8) **Kriteria Pemarkahan**

Pakar Bidang : 60 Markah  
Ahli Panel : 40 Markah

  - (a) Markah yang layak untuk dicalonkan sebagai pemenang Hadiah Utama: 85% dan ke atas.
  - (b) Markah yang layak dicalonkan sebagai penerima Hadiah Penghargaan tidak boleh kurang daripada 75%.
  - (c) Setiap judul yang bertanding akan dinilai oleh 2 orang ahli panel dan seorang pakar bidang.
- (9) **Pemenang:** Pemenang yang memenuhi syarat akan menerima hadiah dan sijil seperti berikut:
  - (a) Kategori Sains & Teknologi (ST)\*  
1 Hadiah Utama bernilai RM1,500.00 dan sijil.
  - (b) Kategori Sains Sosial (SS)\*  
1 Hadiah Utama bernilai RM1,500 dan sijil.
- (10) **Tarikh Tutup Pencalonan:** Pencalonan buku terbitan penerbit luar hendaklah sampai kepada urus setia selewat-lewatnya pada **24 April 2025 (Khamis)** sebelum atau pada jam **5:00 petang**.

Nota: \***Penerbit luar** ditakrifkan sebagai penerbit dalam negara yang menganggotai Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM), Persatuan Penerbit Buku Malaysia (Malaysian Book Publishers Association – MABOPA) / menganggotai Persatuan Penerbit Buku Bumiputera (Bumiputera Book Publishers Association – IKATAN) / Pusat Penyelidikan/Badan Profesional/Badan Bukan Kerajaan dan termasuk penerbit antarabangsa yang melakukan proses penerbitan secara formal: **melalui proses penilaian dan penyuntingan atau mempunyai lembaga editorial**.